

# UMS setaraf universiti komprehensif peringkat Asean, kata Mohd Harun

OLEH MARRYAN RAZAN  
marryan@newsabah-times.com.my

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya meletakkan nama setanding dengan universiti komprehensif peringkat Asean serta memeterai ratusan perjanjian persefahaman (MoU) di universiti peringkat global.

Naib Canselornya Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, walaupun usia universiti itu masih muda namun telah mencapai banyak kejayaan dalam pelbagai aspek sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

"Dalam QS Asian University Ranking, kedudukan UMS meningkat daripada tangga 301 ke kedudukan 201-250 pada tahun lalu dan kedudukan ke-9 pada tahun ini di peringkat Malaysia.

"Terbaru UMS menerima anugerah Best Career Development Centre 2015 menerusi tinjauan yang dibuat oleh GTI Media dan keaktifan UMS melibatkan diri dalam program bersama Talent Corporation Berhad dan juga mendapat dua anugerah platinum serta empat emas di British Invention Show di United Kingdom," katanya.

Beliau berkat demikian ketika berucap sempena Majlis Konvokesyen ke-17 UMS, hari kedua di Dewan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Mohd Harun berkata, dalam konteks ini, UMS kekal bersaing dengan universiti-universiti terulung di dunia dan membuktikan bahawa UMS adalah pilihan tepat kepada pelajar di negara ini.

"Universiti realitinya




**SOKONGAN IBU BAPA ...** Editor Bahasa Melayu New Sabah Times, Mohd Amin Haji Muin (empat kiri) bersama isteri, Noorlizawaty Abdullah (dua kiri) dan anak merakam kenangan bersama besan beliau, Abdul Rahman Abial dan isteri (empat kanan) serta keluarga yang kebetulan anak beliau Mohd Shah (lima kanan) salah seorang graduan yang menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik dalam Sidang ke-3 Konvokesyen UMS ke-17 pagi kelmarin. - Foto-foto Sumbangan oleh Johaidi Ismail.



**KELAS PERTAMA ...** antara graduan yang menerima Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama.

menjadi tanda aras ketamadunan dan ketinggian intelektual masyarakatnya. UMS mampu menghasilkan impak kepada negeri dan negara melalui polemic akademik yang wujud dalam kalangan masyarakat local dan globalnya," katanya.



**AMANAT ...** Dr Harun ketika menyampaikan amatnya pada Sidang ke-3 Konvokesyen UMS di Dewan Canselori pagi kelmarin.



**TAHNIAH ...** Mohd Anizam Mohd Amin, anak kepada Editor Bahasa Melayu New Sabah Times, Mohd Amin Haji Muin antara 559 pendidikan yang menerima Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di bawah Program Pensiswazahan (PPG) daripada Naib Canselor UMS, Dr Mohd Harun.

Beliau berkata matlamat universiti adalah untuk melahirkan graduan berkualiti dan melahirkan modal insan berdaya saing, mantap dalam penyelidikan serta mampu berkhidmat secara profesional dan memberi manfaat kepada keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

Selain itu katanya universiti juga bertanggungjawab untuk menghasilkan graduan yang serba boleh serta melahirkan modal insan yang berintegriti, produktif dan berkepemimpinan.

Beliau turut menyeru kepada semua graduan agar

mendaftarkan diri sebagai alumni UMS melalui laman website [hepa.ums.edu.my/alumni/](http://hepa.ums.edu.my/alumni/).

"Setakat ini seramai 23,941 orang telah mendaftar di dalam sistem alumni," katanya.

Pada konvokesyen tiga hari itu, UMS mengumiakan ijazah kepada seramai 5,083 orang graduan, termasuk 37 orang penerima Ijazah Doktor Falsafah, 101 orang penerima Ijazah Sarjana Penyelidikan, 456 orang penerima Ijazah Sarjana Kerja Kursus dan 4,486 orang penerima Ijazah Sarjana Muda.



**BERSEMANGAT ...** Salah seorang graduan dari kalangan pendidik terpaksa disurung menggunakan kerusi roda untuk menerima ijazahnya setelah diserang angin baru-baru ini.